

16/12/1997

Proses rombak majlis keselamatan sukar

KUALA LUMPUR, Isnin - Proses merombak struktur Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menghadapi masalah berikutan perbezaan pendapat di kalangan negara tertentu.

Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan, berkata PBB menghadapi banyak masalah kerana kebanyakan negara mempunyai pendirian tersendiri berhubung rombakan itu.

Penjelasan itu diberikan dalam pertemuan pemimpin PBB itu dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selama 30 minit pada Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Kedua Asean di sini, petang ini.

Bercakap kepada pemberita selepas pertemuan itu, Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi berkata, kedua-dua pemimpin itu menyentuh pelbagai isu semasa dan masalah global yang dihadapi PBB.

Mengenai isu rombakan Majlis Keselamatan itu, beliau berkata, Annan menjelaskan ada negara tertentu yang sukar bertolak ansur dalam hal berkaitan pendirian mereka.

"Bagaimanapun, usaha untuk mengubah pendirian negara berkenaan sedang berjalan," katanya.

Mengenai reformasi PBB termasuk pakej yang dicadangkan Setiausaha Agung PBB itu, Abdullah berkata, Annan menjelaskan ia menerima sambutan baik.

Ditanya sama ada isu rombakan piagam hak asasi manusia PBB turut disentuh, beliau berkata, Annan tidak menolak kemungkinan wujudnya halangan oleh negara tertentu jika ia dirombak.

"Itu pendirian masing-masing, tidak bermakna jika dia berkata begitu, kerajaan akan tarik diri daripada apa yang kita nak lakukan," katanya.

Menurut Abdullah, Annan turut menjemput Dr Mahathir untuk menyertai Perhimpunan Alaf Baru PBB, dan persidangan khas badan itu bagi menyambut ulang tahun ke-50 piagam hak asasi manusia.

Beliau berkata, Dr Mahathir turut menjelaskan masalah kewangan yang dialami negara Asia Tenggara serta langkah yang diambil sehingga kini kepada Annan.

(END)